Drama Islam:

Pembukaan Kota Suci Makkah

Drama Islam yang berjudul "Pembukaan Kota Suci Makkah" ini adalah hasil karya Syed Al-Shurbaji seorang sasterawan dan penulis drama-drama Islam tak asing lagi di Mesir. Drama ini telah biasa dilakonkan di atas pentas oleh "Persatuan Pemuda Pemudi Islam" di kota Kaherah, dan juga telah pernah diyangkan di layar televisyen Kaherah dengan mendapat sambutan hangat oleh masyarakat di seluruh dunia Arab. [P.]

(Diterjemah oleh: A. Aziz al-Murshidi)

Babak yang pertama

Pemandangan Pentas:

Di sebuah bilik di dalam rumah seorang Musyrik di Makkah. Di ruangan bilik yang luas itu kelihatan terdiri sebuah patung berhala yang diperbuat daripada tanah liat. Di atas sebuah bangku panjang yang beralaskan tilam tebal yang terletak di hadapan buyung (tempayan) arak yang besar, duduk seorang Musyrik berbadan besar, bermisai dan berjanggut panjang dengan menyandarkan dirinya pada bantal-bantal pipih yang tersusun rapi di atas bangku itu, sambil memperhatikan pintu besar yang di hadapannya, seolah-olah ada sesuatu yang ditunggu-tunggunya.

Sejurus kemudian masuklah seorang jariah dengan membawa kira-kira sepuluh keping papan-papan kecil sebesar tapak tangan, panjangnya kira-kira 20 sentimeter. Papan-papan kecil itulah yang dinamakan "*al-Azlām*" (alat untuk bertilik nasib di zaman Jahiliyyah). Melihat kedatangan jariah itu, maka laki-laki Musyrik itu pun terus menghulurkan tangannya mengambil papan-papan *al-Azlām* itu dari tangan Dhuḥā, (begitulah nama jariah jelita itu), seraya berkata:

Musyrik: "Berikan kepadaku papan-papan *al-Azlām* yang di tanganmu itu, wahai Dhuḥā!"

Dhuḥā: (Dengan tidak berlengah lagi terus menyerahkan papan-papan *al-Azlām* yang berada di tangannya kepada laki-laki Musyrik itu; kemudian ia berdiri tercegat dengan hormatnya menunggu perintah yang lain dari tuan yang memilikinya itu. Laki-laki Musyrik itu terus meletakkan papan-papan *al-Azlām* itu ke dalam sebuah batil (mangkuk tembaga) yang terletak di hadapannya; setelah itu ia mengangkat kepalanya perlahan-lahan memandang kepada Dhuḥā sambil berkata:

Musyrik: "Mengapa engkau berdiri tercegat macam patung berhala di hadapanku ini?"

Dhuḥā: "Hamba menunggu sebarang perintah yang lain dari tuan hamba."

Musyrik: "Oh ya, kalau begitu tunggulah sebentar, kita akan ketahui apa yang akan dikatakan oleh papan-papan *al-Azlām* ini; tetapi awas kalau nasibku celaka pada hari yang amat menakutkan ini: akan celaka jualah engkau padahnya."

Dhuḥā: (Dengan rupa terperanjat bertanya kepada tuannya:) "Apa maksud tuan hamba dengan perkataan hari yang amat menakutkan itu?"

Musyrik: "Ya, yang aku maksudkan dengan perkataan hari yang amat menakutkan itu, ialah pada hari ini aku dapat tahu bahawa Muhammad dengan segala bala tenteranya yang gagah perkasa itu sedang berjalan menuju ke mari dengan maksud hendak membuka kota Makkah ini."

Dhuḥā: (Dengan air muka yang berseri-seri terus berkata): "Benarkah demikian wahai tuan hamba… Benarkah demikian? (Kemudian daripada ia melafazkan ucapannya itu, tiba-tiba ia tersedar akan kelakuannya itu, ia pun terdiam dengan rupa ketakutan).

Musyrik: (Pada mulanya ia agak terkejut melihat kelakuan jariahnya gembira sewaktu ia mendengar berita angkatan tentera Muhammad dalam perjalanan menuju ke kota Makkah itu, beberapa ketika dipandangnya muka Dhuḥā dengan tepat, tetapi pada akhirnya hilanglah rasa ragu-ragu dan curiganya terhadap jariahnya yang taat setia itu. Walaubagaimanapun, Dhuḥā berasa bimbang kalau rahsianya yang telah menganut agama Islam itu diketahui oleh tuannya. Setelah dilihatnya bahawa tuannya tidak menaruh sebarang curiga ke atas dirinya, maka ia pun meminta izin keluar dari bilik itu).

Dhuḥā: (Sambil berjalan keluar ia berkata dengan suara yang agak keras supaya didengar oleh tuannya): "Mustahil! Tidak termasuk pada akal hamba, bahawa Muhammad dan bala tenteranya akan datang ke mari untuk menawan kota Makkah ini, sedangkan angkatan perang orang-orang Musyrikin lebih besar dan lebih gagah daripada angkatan perang orang-orang Muslimin yang di bawah pimpinan Muḥammad bin 'Abdullah itu;"

Musyrik: (Berasa lapang hatinya mendengarkan kata-kata yang diucapkan oleh Dhuḥā itu, dengan menepuk dada ia pun lantas berkata): "Ya benar sebagaimana katamu itu wahai Dhuḥā… kita memang lebih kuat dan lebih gagah daripada mereka… memang benar, papan-papan al-Azlām itu juga telah mengatakan yang demikian itu;" (Kemudian ia berpaling mengalihkan mukanya ke arah patung berhala yang berada di dalam bilik itu sambil tunduk beberapa kali memberi penghormatan, setelah itu ia berpaling semula kepada Dhuḥā seraya berkata): "Sekarang kita mesti sembahyang meminta kepada tuhan kita patung berhala al-Lāta dan al-'Uzzā supaya di pihak kita mendapat kemenangan menghadapi Muḥammad dan pengikut-pengikutnya, dan engkau Dhuḥā, mestilah sembahyang bersama-sama di belakangku", (sambil ia menarik tangan jariahnya supaya bersama-sama melakukan ibadah sembahyang di hadapan patung berhala itu. Dengan rasa ketakutan dan hati yang kurang senang Dhuḥā terpaksa menurut kemahuan tuannya itu. Tetapi walau bagaimanapun seberapa boleh ia cuba hendak melepaskan dirinya dari melakukan perintah tuannya itu, sambil berkata):

Dhuḥā: "Biarkanlah hamba sembahyang seorang diri di sisi Ka'abah nanti, kerana hamba ini tidak layak sembahyang bersama-sama dengan tuan hamba, sebab hamba adalah seorang jariah yang hina;"

Musyrik: "Tetapi sekarang aku yang memerintahkan supaya engkau sembahyang bersama-sama dengan aku di rumah ini", (sambil ditariknya tangan Dhuḥā dengan keras).

Dhuḥā: (Terpaksa menurutkan kemahuan tuannya itu dengan berpura-pura melakukan sembahyang di belakang tuannya).

Musyrik: "Sekarang kita akan memulakan ibadat sembahyang, engkau mestilah sembahyang dengan khusyu' dan ikut

segala apa yang aku baca!". (Kemudian ia pun terus berdiri dengan khusyu' di hadapan patung berhala itu, seraya meletakkan kedua belah tangannya ke dada, sedang Dhuḥā berdiri di belakangnya dengan rupa gelisah dan ketakutan).

Pada ketika itu masuklah isteri laki-laki Musyrik itu dan berdiri di pintu bilik sambil memandang pekerjaan yang sedang dilakukan oleh suami dan jariahnya itu. Kedua-dua orang manusia yang sedang bersembahyang itu tidak menyedari akan adanya seorang manusia lain yang sedang menghendap dan memperhatikan perbuatan keduanya dari belakang. Isteri laki-laki Musyrik itu kelihatan kurang senang dan gelisah memperhatikan suami dan jariahnya itu sedang melakukan ibadat sembahyang di hadapan patung berhala itu. Laki-laki Musyrik itu kelihatan asyik melakukan ibadat sembahyang di belakang tuannya.

Musyrik: "Wahai tuhanku al-Lāta dan al-'Uzzā!" (Sambil mengangkat kedua belah tangannya ke atas).

Dhuḥā: (Dengan suara yang perlahan berkata:) "Wahai Tuhanku yang Maha Kuasa!" (Sambil mengangkat kedua belah tangannya ke atas mengikuti gerak-geri yang dilakukan oleh tuannya).

Musyrik: "Wahai tuhanku berhala al-Lāta dan al-'Uzzā", (dengan suara yang agak keras).

Dhuḥā: (Dengan suara tergagap-gagap mengucapkan sesuatu perkataan yang tidak jelas bunyinya).

Musyrik: "Wahai tuhan yang aku sembah dengan khusyu' dan tawadhu'!"

Dhuḥā: (Sambil mengangkatkan kedua belah tangannya lebih tinggi lagi mengikuti kata-kata yang diucapkan oleh tuannya): "Wahai Tuhan yang aku sembah dengan khusyu' dan tawadhu'!"

Musyrik: "Berilah kami kekuatan untuk menentang Muḥammad dan dan bala tenteranya!"

Dhuḥā: (Hanya mengeluarkan kata-kata yang tidak dapat difahami).

Musyrik: "Sesungguhnya Muḥammad dan pengikut-pengikutnya orang-orang Muslimin telah memperhatikan akan kebesaranmu, wahai tuhanku yang maha kuasa."

Dhuḥā: (Sambil menenung tepat ke muka patung berhala itu ia berkata): "Sesungguhnya Muhammad dan pengikut-pengikutnya orang-orang Muslimin telah memperhina-hinakan mu, wahai berhala; tuhan yang palsu."

Musyrik: (dengan suara yang nyaring): "Sesungguhnya agama yang dibawa oleh Muḥammad itu, bertujuan hendak meruntuhkan agama patung-patung berhala, dan menyeru kepada menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, yang tiada tolok bandingnya dengan barang siapa jua pun."

Dhuḥā: (Mengikut sebagaimana yang dikatakan oleh laki-laki Musyrik itu).

Musyrik: "Adakah engkau akan membiarkan angkatan tentera yang dipimpin oleh Muḥammad itu masuk ke Makkah untuk menghancurkanmu?"

Dhuḥā: (Memandang tepat ke muka patung berhala itu seraya berkata dengan suara geram): "Tidak berapa lama lagi engkau akan dihancur-leburkan oleh bala tentera Islam, wahai berhala, tuhan bagi orang-orang kafir yang sesat!"

Musyrik: (Menjerit dengan suara yang kuat): "Adakah engkau akan biarkan mereka masuk ke kota Makkah ini dengan bermaharajalela, wahai al-Lāta dan al-'Uzzā… Adakah akan engkau biarkan mereka masuk ke mari…? (Sambil ia sujud di kaki berhala itu.)

Dhuḥā: (Hanya mendiamkan diri dan tidak melakukan sebarang perbuatan ia hanya memandang kepada kelakuan

tuannya yang seperti keadaan orang yang tidak siuman itu).

Musyrik: (Bangkit semula dan terus menerkam memeluk badan patung berhala itu dengan kedua-dua belah tangannya, sambil digoncang-goncangnya dengan sekuat-kuat hari seraya berkata): "Jawab! ... Jawablah pertanyaanku ini, wahai tuhan! ... Jawablah pertanyaan ini! … Kalau tidak aku akan menderhaka kepadamu … Oh! Sesungguhnya engkau tuhan yang pekak, tuli lagi bisu, bagaimana yang dikatakan oleh orang-orang Muslimin … memang benarlah engkau tuhan yang tuli lagi bisu … Memang benar … Memang benar kata mereka!" (Kemudian ia menangis teresak-esak).

Dhuḥā: "Memang benar engkau tuhan yang tuli lagi bisu, wahai patung berhala", (sambil ia memandang dengan menghina kepada patung berhala yang berdiri tak bergerak di hadapannya itu).

Musyrik: (Dengan tiba-tiba berpaling memandang kepada Dhuḥā: dengan suara yang keras menengking, ia berkata): "Pergi … Nyah engkau dari sampingku wahai bedebah! Laknat!"

Dhuḥā: (Setelah ia ditengking dan dihalau oleh tuannya, ia terus berpaling dengan tergopoh-gapah berlari menuju ke muka pintu. Tetapi alangkah terkejutnya, manakala ia terjerempak[1] dengan isteri tuannya di muka pintu itu. Namun begitu dengan langkah yang cepat ia terus juga berlari keluar dari bilik itu. Sedang isteri laki-laki Musyrik itu masuk ke dalam dengan langkah yang teratur).

Musyrik: (Apabila melihat isterinya datang menghampirinya selangkah demi selangkah, maka ia pun terus berkata dengan suara yang lantang): "Rahsia apa gerangan yang tersemat di dalam dada si jariah bedebah itu, wahai 'Aliā'?"

'Aliā': (Begitulah nama isteri laki-laki Musyrik itu). 'Aliā' pun menjawab dengan nada suara yang lemah-lembut: "Rahsia apakah yang kekanda maksudkan itu?"

Musyrik: (Dengan gerak-geri yang serba-salah berkata lagi): " 'Alā kulli ḥāl keadaan kita sekarang sedang di dalam merbahaya, wahai 'Aliā'!"

'Aliā': (Dengan suara yang tenang bertanya): "Bagaimana dengan berita Muḥammad dan bala tenteranya yang akan menyerang masuk ke dalam kota suci Makkah ini? … Adakah berita itu benar, atau pun hanya khabar-khabar angin sahaja?"

Musyrik: (Menjawab dengan melengos[2]): "Berita itu benar. Dan memang benar! Muḥammad dan sekalian bala tenteranya sekarang sedang berada di dalam perjalanan menuju ke kota Makkah ini, berapa banyak bilangan askarnya dan berapa besar angkatan perangnya , tidak dapat diketahui. Tujuan mereka datang ke mari sudah tentu hendak menyerang kita kaum Musyrikin serta menghancurkan patung-patung berhala, sebagai tuhan-tuhan yang kita puja dan kita sembah dari zaman datuk nenek kita dahulu kala."

'Aliā': "Habis bagaimana? … Sikap apa yang akan diambil oleh kaum Musyrikin di Makkah ini? … Dan apa pula sikap kekanda? … Sudahkah kekanda bertilik dengan menggunakan papan-papan al-Azlām yang dibawa oleh jariah kita tadi?"

Musyrik: (Dengan suara yang menggeletar gugup menjawab): "Apa katamu wahai 'Aliā'? Bertilik dengan papan-papan Al-Azlām? . . . . oh bukan masanya sekarang . . . . bukan masanya sekarang!"

Bersambung.

[1] bertemu atau berjumpa (berhadapan) dengan tiba-tiba
[2] memaling muka dengan sengaja (kerana menyampaah atau benci melihat)